

# 'Melayu usah risau, kerajaan jaga semua kaum'

**Ipoh:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan mahu memastikan pentadbiran negara yang adil bagi semua kaum supaya seluruh rakyat, termasuk di Sabah dan Sarawak memperoleh faedah mencukupi.

Justeru, Perdana Menteri berkata, Melayu Bumiputera tidak perlu bimbang kerana kerajaan pimpinannya sentiasa menjaga keperluan semua kaum.

"Saya mahu orang Melayu Bu-

miputera jangan rasa takut... di negeri ini kita jaga dia (Melayu Bumiputera), tetapi kalau orang Cina tanya, ya kita jaga (juga), orang India (pun) kena jaga kerana ramai miskin.

"Kena tahu kalau tidak tolong orang India, ini bukan negara yang adil sebab saya mahu negara ini adil, cukup untuk semua orang. Kalau kita jaga negeri ini dengan baik, semua boleh dapat faedah," katanya ke-

tika berucap pada program Jalinan Kasih MADANI Bersama Komuniti Cina Parlimen Tambun di Kampung Baru Kuala Kuang di Chemor, di sini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Tambun mengumumkan peruntukan RM250,000 kepada persatuan di kawasan Parlimen berkenaan untuk diagihkan khusus bagi tujuan aktiviti kemasyarakatan, termasuk sukan di ka-

wasan berkenaan.

"Saya beri sebab tuan-tuan jaga sangat baik, jaga negeri, duduk secara aman, bagi sokongan jadi saya lulus untuk hari ini.

"Kalau ada apa-apa lagi boleh tulis surat, kita boleh bagi tambahan," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri turut menyantuni rakyat pada Majlis Santunan Aidilfitri Peringkat Parlimen Tambun yang berlangsung di Padang Ranca-

ngan Perumahan Tersusun (RPT) Jelapang Baru, dekat Gugusan Manjoi, di sini.

Perdana Menteri tiba jam 1.10 tengah hari dengan disambut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kinta, Muhamad Arafat Varisai Mahamad.

Anwar meluangkan masa kira-kira 30 minit pada majlis itu dan sempat beramah mesra dengan kira-kira 10,000 pengunjung.